

PEJABAT PENDAFTAR
REGISTRAR OFFICE

Rujukan Kami : UPM.PEND.100/1/5/1 (20)
Tarikh : 11 Jun 2026

**PEKELILING PENDAFTAR UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
BILANGAN 3 TAHUN 2026**

**PEMAKAIAN KAD FIZIKAL
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan untuk membudayakan pemakaian Kad Fizikal Universiti Putra Malaysia (UPM) kepada semua pekerja universiti, pelajar dan vendor sepanjang berada di dalam kawasan kampus, Universiti Putra Malaysia.

LATAR BELAKANG

2. Pejabat Pendaftar telah mengeluarkan Pekeliling Pendaftar Bilangan 2 Tahun 2006 berkaitan Sistem Kawalan dan Keselamatan Kampus UPM dan Pekeliling Pendaftar Bilangan 4 Tahun 2006 berkaitan Kenaikan Kadar Denda Bagi Gantian Kad Pintar Pelajar dan Staf UPM.

3. Amalan penggunaan Kad Fizikal UPM untuk Pekerja Universiti/Pelajar/Vendor adalah sebagai bentuk pengenalan diri ketika berada di dalam kawasan UPM.

4. Ketika ini, pengenalan diri pegawai dan pelajar turut menggunakan sistem *online* Putra-ViD manakala Kad Prihatin Mahasiswa debit-I RHB untuk pelajar sahaja. Kedua-dua sistem pengenalan ini **kekal terpakai** sebagai bentuk pengenalan diri di UPM.

5. Pembudayaan mempamerkan Kad Fizikal untuk semua pekerja/pelajar/vendor di Universiti adalah bertujuan sebagai pengenalan diri kepada semua warga kampus, penggunaan sistem *access door/barrier gate* dan juga untuk tujuan keselamatan memasuki premis di sekitar kampus.

6. Bagi memperkukuh amalan tadbir urus dan kawalan keselamatan fizikal di UPM, warga UPM adalah disarankan untuk mempamerkan kad fizikal secara jelas selaras dengan Edaran Surat Pekeliling Am Bil.1 Tahun 2020-Permakluman Pemakaian dan Penguatkuasaan Arahan Keselamatan (Semakan Dan Pindaan 2017). Ketetapan ini adalah berdasarkan Bab 2: Keselamatan Fizikal iaitu Buku Arahan Keselamatan yang dikeluarkan oleh Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO), Jabatan Perdana Menteri.

7. Penggunaan Kad Fizikal ini merupakan identiti rasmi yang perlu dipatuhi demi menjamin persekitaran kerja yang selamat dan teratur dan juga sebagai instrumen kawalan untuk mengenal pasti individu yang mempunyai urusan rasmi dan dibenarkan masuk ke dalam sesebuah bangunan atau kawasan kerajaan dan juga memudahkan pihak APSeC atau warga UPM mengenal pasti identiti dan kesahihan kehadiran seseorang di sesuatu lokasi.

8. Semua kemudahan dan fasiliti yang menggunakan sistem *access door/barrier gate* di bangunan atau parkir kenderaan hendaklah menggunakan Kad Fizikal untuk memasuki kawasan yang berkenaan.

9. Kad Fizikal ini memiliki ciri-ciri asas keselamatan, *microchip* yang menyimpan *database* maklumat diri asas untuk pekerja/pelajar/vendor dan nombor siri unik yang sah. Sekiranya Kad Fizikal diperlukan, pencetakan hanya boleh dilaksanakan oleh pusat tanggungjawab yang dibenarkan sahaja iaitu Pusat Polis Bantuan dan Keselamatan Universiti (APSeC) dan Perpustakaan Sultan Abdul Samad (PSAS). Sebarang pencetakan luar dianggap tidak sah sebagai Kad Fizikal.

10. Kad Fizikal ini terbahagi kepada empat (4) kategori;

- a) Kad Staf (Untuk semua staf tetap dan kontrak yang dilantik oleh UPM);
- b) Kad Matrik Pelajar (Untuk semua kategori pelajar sepenuh masa, separuh masa, pasca siswazah dan pelajar luar negara);
- c) Pas Kontraktor/Vendor; dan
- d) Kad Kampus (Untuk pekerja sambilan dan Pembantu Penyelidik (R.A) yang dilantik oleh UPM dalam tempoh enam bulan ke atas).

PEMBUDAYAAN

11. Semua pekerja/pelajar/vendor **hendaklah** mempamer Kad Fizikal sepanjang tempoh berada dalam kawasan Kampus UPM terutama ketika

memasuki Bangunan Canselori Putra atau berurusan dengan mana-mana kaunter perkhidmatan universiti dengan cara disematkan di pakaian atau menggunakan tali lanyard.

12. Bagi mengelakkan sebarang kesulitan atau perkara-perkara yang boleh menimbulkan masalah, semua pekerja/pelajar/vendor hendaklah sepanjang masa mempamer/membawa kad kampus semasa berada dalam kampus.

13. Mereka yang tidak memakai atau tidak berjaya mempamerkan Kad Fizikal atau secara maya di sistem *online* Putra-ViD boleh dihalang oleh APSeC daripada memasuki kawasan kampus UPM atau akan diarahkan keluar daripada kawasan Kampus UPM.

14. Pekerja UPM dan anggota APSeC, dari semasa ke semasa boleh memeriksa Kad Fizikal kepada semua individu sepanjang keberadaan di dalam kawasan Kampus UPM.

15. Individu yang gagal mempamerkan kad kampus dan gagal memberikan sebab yang munsubah mengapa berada di dalam kawasan kampus boleh diarahkan keluar dengan serta-merta.

PERBANDINGAN FUNGSI KAD FIZIKAL DAN TANDA NAMA

16. Bagi mengelakkan kekeliruan, berikut adalah perbezaan fungsi dan ketetapan antara Kad Fizikal (berdasarkan Pekeliling Pendaftar Bil. 3/2026) dan Tanda Nama (berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4/2025):

No.	Ciri- ciri	Kad Fizikal	Tanda Nama
1.	Rupa Bentuk		
2.	Fungsi utama	Sebagai identiti rasmi untuk pengenalan diri, akses pintu/pagar (<i>access door/barrier gate</i>) dan kawalan keselamatan premis.	Sebagai identiti pengenalan nama pegawai semasa menjalankan tugas rasmi terutama majlis rasmi di dalam dan luar UPM.

3.	Kewajiban	Wajib dipamerkan/dibawa oleh semua pekerja, pelajar dan vendor sepanjang berada di kawasan kampus.	Wajib dipakai oleh setiap pekerja UPM semasa bertugas rasmi.
4.	Spesifikasi	Mempunyai ciri keselamatan, <i>microchip</i> , pangkalan data asas dan nombor siri unik.	Diperbuat daripada plastik, huruf putih latar belakang hitam (7.5 cm x 2.5 cm) berserta logo UPM.
5.	Cara Pemakaian	Disematkan di pakaian atau menggunakan tali <i>lanyard</i>	Disematkan di bahagian dada sebelah kiri (menggunakan pin atau magnet).

PENETAPAN KADAR CAJ KAD

17. Jawatankuasa Tetap Kewangan (JKTK) melalui minit 8/5(2024) bertarikh 1 Ogos 2024 telah meluluskan Cadangan Penetapan Kadar Caj Kad Fizikal Pengenalan Diri Kakitangan dan Pelajar Universiti Putra Malaysia dengan kadar caj seperti maklumat berikut :

- a) Semua pekerja lantikan baharu **TIDAK AKAN** dibekalkan Kad Fizikal (Kad Staf/ Kad Kampus) secara percuma tetapi perlu mengemukakan permohonan ke Pejabat APSeC dengan mengisi borang dan membuat bayaran sebanyak RM20.00.
- b) Semua pelajar UPM digalakkan memiliki KAD PELAJAR sama ada dalam bentuk fizikal atau maya. Untuk permohonan Kad Fizikal (Kad matrik Pelajar), pelajar perlu hadir ke Pejabat APSeC untuk membuat permohonan dengan bayaran RM20.00 bagi permohonan kali pertama dan RM30.00 untuk kad gantian (disebabkan hilang, rosak, musnah dan lain-lain).
- c) Semua vendor/kontraktor/pekerja perkhidmatan atau pembekalan yang menjalankan tugas melebihi tiga (3) bulan hendaklah mendapatkan Kad Fizikal (Pas Kontraktor/Vendor) dengan membuat pembayaran sebanyak RM20.00.
- d) Bagi pencetakan kali kedua untuk penggantian kad sama ada rosak/hilang/musnah, semua pekerja, pelajar dan vendor akan dikenakan bayaran sebanyak RM30.00 dan laporan perlu dibuat secara rasmi kepada pihak APSeC.

- e) Semua pekerja yang berhenti, meletakkan jawatan atau diberhentikan kerja hendaklah memulangkan semula kad kakitangan kepada pihak APSeC.

KEHILANGAN/KEROSAKAN/PENGGANTIAN KAD

18. Bagi maksud sebarang kehilangan dan kerosakan kad perlu membuat laporan kehilangan kepada pihak APSeC terlebih dahulu.

19. Semua pekerja/pelajar/vendor hendaklah mendaftar dan memiliki hanya satu (1) Kad Fizikal sepanjang masa, dan pihak APSeC dan iDEC akan membuat pembersihan rekod pemilikan kad ini dari semasa ke semasa.

20. Sebarang Kad Fizikal yang tidak dikeluarkan oleh pihak APSeC adalah dianggap tidak sah untuk digunakan di dalam kawasan kampus UPM.

21. Sebarang pihak adalah **TIDAK DIBENARKAN** untuk mencetak kad ini di luar universiti kecuali APSeC dan PSAS.

PEMBATALAN

22. Dengan berkuat kuasanya Pekeliling Pendaftar ini, maka Pekeliling Pendaftar Bilangan 2 Tahun 2006 berkaitan Sistem Kawalan dan Keselamatan Kampus UPM dan Pekeliling Pendaftar Bilangan 4 Tahun 2006 berkaitan Kenaikan Kadar Denda Bagi Gantian Kad Pintar Pelajar dan Staf UPM adalah **dibatalkan**.

PEMAKAIAN

23. Pematuhan Pekeliling ini berkuat kuasa serta merta dan terpakai kepada semua pekerja universiti, pelajar dan vendor di premis, fasiliti dan bangunan milik Universiti di seluruh kawasan Universiti termasuk di Kampus UPM Serdang, UPM Sarawak, Hospital Sultan Abdul Aziz Shah (HSAAS), Institut Antarabangsa Akuakultur dan Sains Akuatik (I – Aquas) dan Ladang Puchong.

"MALAYSIA MADANI"

"BERILMU BERBAKTI"

Saya yang menjalankan amanah,



(MUHAZAM BIN MANSOR)

Pendaftar

Universiti Putra Malaysia